

10 MAY 1997

Muhammad-cuti

MAJLIS TERTINGGI LULUS PERMOHONAN MUHAMMAD BERCUTI

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhammad Muhamad Taib yang menghadapi kes mahkamah di Australia, dibenarkan bercuti daripada menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi parti sehingga kes itu selesai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden UMNO berkata Majlis Tertinggi yang bermesyuarat hari ini meluluskan permohonan cuti bekas Menteri Besar Selangor itu sehingga kesnya selesai.

Muhammad menghadapi tuduhan gagal mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta di lapangan terbang antarabangsa Brisbane Dis 22 lepas ketika hendak meninggalkan Australia.

Berikutan itu beliau telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan pada 14 April lepas tetapi mengekalkan jawatan Naib Presiden parti dan Anggota Dewan Undangan negeri kawasan Batang Kali.

Dr Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat tiga setengah jam turut mengumumkan pelantikan bakal Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar sebagai pengerusi baru Badan Perhubungan UMNO Selangor.

Beliau juga mengumumkan pelantikan Datuk Suleiman Mohamed sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan.

Muhammad tidak menghadiri mesyuarat MT pada hari ini.

Ditanya sama ada Muhammad mengambil cuti atas permintaan MT, Dr Mahathir berkata: "Muhammad (sendiri) memohon cuti."

Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik ketika ditanya pemberita kemudian tentang bilakah Muhammad memohon cuti, berkata: "Dia minta cuti sebelum mesyuarat ini, tetapi saya tak ingat tarikhnya."

Ada pihak di dalam dan luar parti sebelum ini melahirkan pendapat bahawa Muhammad selain meletakkan jawatan Menteri Besar juga harus melepaskan jawatan Naib Presiden UMNO.

Mengenai kes akaun Pergerakan Wanita UMNO, Dr Mahathir berkata ia didapati tidak melibatkan bekas ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz mahupun ketuanya sekarang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Katanya Bendahari UMNO Tun Daim Zainuddin telah membuat laporan mengenai kes itu dan MT telah membuat keputusan untuk menghadapkan sesiapa yang terlibat ke Jawatankuasa Disiplin parti.

"Dengan itu perkara ini telah ditutup," katanya.

Apabila ditanya mengenai siapa yang terlibat, Dr Mahathir enggan menamakan mereka kerana menganggapnya sebagai kes dalaman UMNO.

Beliau berkata semua wang yang terlibat akan dikembalikan dan setakat ini sebahagian besarnya telah dipulangkan.

Ketika ditanya siapa yang memulangkan semula wang itu, beliau berkata: "Tak payah tanyalah siapa, kalau saya beritahu habislah cerita."

Beliau berkata sama ada terdapat salah laku dalam kes itu terpulang kepada jawatankuasa disiplin untuk memutuskannya dan UMNO akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka.

Mesyuarat MT yang lepas telah mengarahkan Bendahari Umno menyiasat akaun itu setelah didapati RM1.8 juta dikeluarkan antara tempoh pertukaran jawatan daripada Rafidah kepada Siti Zaharah.

Ketika ditanya mengenai siasatan perlakuan rasuah yang dilaporkan melibatkan lapan orang anggota exco beberapa kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata MT tidak mendapat maklumat mengenainya kerana kes itu disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR).

"BPR tidak melaporkannya kepada MT," kata Dr Mahathir.

Katanya MT juga membincangkan mengenai rasuah dan menentukan pendirian parti untuk bertegas tidak membela sesiapa sahaja yang terlibat dengannya "sama ada kawan atau pemegang jawatan tinggi".

"Tindakan terhadap orang yang terlibat dengan rasuah tidak akan dipertahankan oleh sesiapa," kata beliau sambil menjelaskan bahawa perbincangan yang dijalankan adalah secara am dan tidak khusus menyentuh soal politik wang dalam parti.

Ditanya sama ada pendirian tegas itu berupa amaran untuk pemilihan parti, Dr Mahathir berkata amaran itu memang terpakai untuk semua masa sama ada dalam sebarang urusan parti mahu pun urusan kerajaan. -- BERNAMA

TM MAI